

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan garis pendapatan minima isi rumah mengikut kategori seperti, isi rumah 0.01 peratus teratas, isi rumah 0.1 peratus teratas, isi rumah 1 peratus teratas, isi rumah 5 peratus teratas, isi rumah 10 peratus teratas, isi rumah 20 peratus teratas, isi rumah 40 peratus teratas dan isi rumah 80 peratus teratas .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengklasifikasikan kategori kumpulan pendapatan dengan menggunakan pakai cerapan data dari Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penyiasatan ini dijalankan setiap dua kali dalam tempoh lima tahun yang merangkumi data pendapatan isi rumah penengah, purata dan bilangan isi rumah dalam setiap kategori kumpulan pendapatan.
2. Secara umum, kategori pendapatan terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu T20, M40 dan B40. Definisi kategori pendapatan tersebut adalah seperti berikut:

- a. B40 adalah **Bottom 40%** iaitu merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan PPIR&KA 2016, had pendapatan isi rumah B40 di peringkat nasional adalah kurang daripada RM4,360 yang meliputi 2.78 juta isi rumah Malaysia.
 - b. M40 adalah **Middle 40%** iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan PPIR&KA 2016, had pendapatan isi rumah M40 di peringkat nasional adalah antara RM4,360 dan RM9,619 yang meliputi 2.78 juta isi rumah Malaysia.
 - c. T20 adalah **Top 20%** iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan PPIR&KA 2016, had pendapatan isi rumah T20 di peringkat nasional adalah lebih daripada RM9,619 yang meliputi 1.39 juta isi rumah Malaysia.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat terperinci garis pendapatan minima isi rumah tidak dapat dibekalkan berdasarkan nilai ralat piawai relatif yang tinggi di mana ia tidak menggambarkan atau mewakili keadaan sebenar isi rumah di Malaysia dan boleh mengundang tafsiran yang tidak tepat.

Sekian, terima kasih.